

Keperluan Takwim Hijri Antarabangsa sebagai Simbol Penyatuan Umat Islam

The Need for a Unified International Hijri Calendar as a Symbol of Islamic Unity

**Sharifah Shazwani Syed Mohamed¹, Ibnor Azli Ibrahim², Najla Farahanim
Zamri³ & Anisah Budiwati⁴**

¹ *Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, 86400, MALAYSIA*

² *Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), BE1310, BRUNEI DARUSSALAM*

³ *Institusi Penyelidikan Produk & Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Kuala Nerus, 21300, MALAYSIA*

⁴ *Fakultas Ilmu Agama Islam, Universiti Islam Indonesia 55584 Yogyakarta, INDONESIA*

*Pengarang Utama: sshazwani@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2025.06.02.017>

Maklumat Artikel

Diserah: 20 September 2025

Diterima: 24 Oktober 2025

Diterbitkan: 05 Disember 2025

Kata Kunci

Takwim hijri, hilal, penyatuan
ummah, sosial

Abstrak

Takwim Hijri merupakan asas penting dalam penentuan ibadah dan pembentukan identiti umat Islam sejak zaman awal ketamadunan Islam. Namun, kelompangan sistem takwim Hijri menyebabkan umat Islam sering bertelagah saban tahun. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi membentuk takwim Hijri antarabangsa. Namun, negara-negara Islam seluruh dunia masih lagi sukar untuk menerima satu kaedah tunggal kerana terdapat percanggahan pendapat mengenai pegangan mazhab serta penggunaan sains matematik. Kelompangan ini telah memperlihatkan ketidakselarasan umat Islam di seluruh dunia dan menenggelamkan fungsi takwim Hijri secara keseluruhan. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneliti keperluan umat Islam terhadap penyatuan takwim Hijri. Bagi mencapai objektif yang dinyatakan, metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis dokumen terhadap sumber kontemporari berkaitan takwim Islam, serta perbandingan amalan penentuan awal bulan di beberapa negara anggota MABIMS dan dunia Islam secara umum. Hasil kajian mendapati bahawa penyatuan Takwim Hijri Antarabangsa merupakan suatu keperluan mendesak, bukan sahaja bagi memastikan pelaksanaan ibadah yang seragam seperti puasa, hari raya dan haji, tetapi juga bagi menjamin kesinambungan sejarah Islam serta kelancaran aktiviti sosial umat. Kajian ini menegaskan bahawa Takwim Hijri Antarabangsa berperanan besar sebagai instrumen penyatuan ummah dan penguatan tamadun Islam pada era globalisasi.

Keywords

Hijri Calendar, new crescent, unity of the ummah, social

Abstract

The Hijri calendar has served as a fundamental basis for determining acts of worship and shaping the identity of the Muslim community since the early period of Islamic civilization. However, inherent limitations within the Hijri calendar system have led to recurring disputes among Muslims each year. Various efforts have been undertaken to establish an international Hijri calendar, yet Muslim-majority countries worldwide continue to face challenges in adopting a unified method due to differing juristic opinions (*ikhtilāf al-madhāhib*) and the role of mathematical and astronomical sciences. These shortcomings have highlighted the lack of uniformity among Muslims globally and have undermined the comprehensive function of the Hijri calendar. Accordingly, this study examines the necessity of unifying the Hijri calendar for the Muslim ummah. To achieve this objective, the study employs a qualitative methodology through document analysis of contemporary sources related to the Islamic calendar, alongside a comparative study of crescent sighting (*rukyah al-hilāl*) practices in selected MABIMS member states and the broader Muslim world. The findings indicate that the unification of the International Hijri Calendar is an urgent necessity, not only to ensure uniformity in religious observances such as fasting, Eid, and Hajj, but also to safeguard the continuity of Islamic history and facilitate the social life of Muslims. This study underscores that the International Hijri Calendar plays a pivotal role as an instrument of Muslim unity and the strengthening of Islamic civilization in the era of globalization.

1. Pendahuluan

Penentuan ibadah umat Islam amat terkait rapat dengan penggunaan kalendar Islam atau lebih dikenali sebagai takwim Hijri. Antaranya ialah penentuan tiga hari penting bagi umat Islam iaitu awal Ramadan bagi menentukan permulaan puasa, awal Syawal bagi menentukan Hari Raya dan awal Zulhijjah bagi menentukan hari raya Aidiladha. Selain itu, penggunaan takwim Hijri juga diperlukan dalam menyelesaikan isu fiqh terkait takwim seperti zakat, 'iddah dan hadanah.

Takwim Hijri merupakan satu keperluan kerana takwim ini berkait dengan perkara ibadah. Hal ini telah dijelaskan oleh firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ ۗ

Maksudnya; "Mereka bertanya kepadamu (Wahai Nabi Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: ' (bahawa peredaran) anak-anak bulan itu adalah untuk menandakan waktu-waktu bagi (urusan dan amalan) manusia dan ibadat haji" (al-Baqarah, 2:189)

Berdasarkan ayat ini, Allah SWT menjadikan hilal sebagai petunjuk kepada manusia untuk menyusun aktiviti kehidupan seharian serta mengetahui waktu bagi ibadah haji. Disebabkan oleh ketiadaan dalil khusus untuk membentuk sesebuah takwim, maka dalil daripada al-Quran dan hadis yang memberi panduan mengenai kaedah dalam mensabitkan awal Ramadan telah menjadi asas pembentukan takwim Hijri.

Dalam mensabitkan puasa dengan kenampakan hilal adalah berdasarkan dalil daripada hadis Nabi SAW seperti berikut;

صُومُوا لِرُؤْيَيْهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤْيَيْهِ فَإِنْ عُبِيَ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلَاثِينَ

Maksudnya; "Berpuasalah kalian kerana melihatnya (hilal) dan berbukalah kalian kerana melihatnya (hilal). Apabila pandangan kalian terlindung, maka sempurnakanlah hitungan bulan Sya'ban menjadi tiga puluh hari". (al-Bukhārī, No Hadis 1909)

Dalil di atas menerangkan sekiranya hilal kelihatan, maka berpuasalah. Jika sebaliknya sempurnakan bilangan hari pada bulan Sya'ban menjadi tiga puluh hari (*istikmāl*). Terdapat juga hadis yang menerangkan kaedah selain rukyah dalam menentukan kenampakan hilal Antara hadis lain ialah;

إِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَصُومُوا وَإِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَأَفْطِرُوا فَإِنْ غُمَّ عَلَيْكُمْ فَأَقْدِرُوا لَهُ

Maksudnya; "Apabila kamu melihatnya (hilal), maka berpuasalah; dan apabila kamu melihatnya (hilal), maka berbukalah. Jika ada mendung menutupi kalian, maka hitunglah". (al-Bukhārī, No Hadis 1767)

Berdasarkan hadis di atas, sekiranya hilal tidak kelihatan pada malam 29 Syaban maka hitunglah. Menurut al-Subkī, terdapat dua pendapat mengenai lafaz *faqdurūlah*. Pertama ialah bulan Syaban digenapkan menjadi tiga puluh hari sekiranya hilal tidak kelihatan. Kedua, adalah ditentukan berdasarkan hitungan falak. Walau bagaimanapun, pendapat paling sahih adalah pendapat pertama (Nurul Syakirah Rahiman *et al* 2021).

Terdahulu, penggunaan takwim Hijri melambangkan kekuatan dan kesatuan umat Islam apabila digunakan untuk tujuan sosial dan ibadah. Namun pada masa kini, penggunaan takwim Hijri lebih tertumpu kepada penentuan tarikh tiga bulan ibadah. Kemodenan teknologi seiring dengan kepesatan ilmu telah menjadikan pembentukan takwim Hijri tidak lagi merupakan sebuah permasalahan fiqh malah ianya dianggap sebagai sebuah kajian yang bersifat saintifik. Menurut Mohamad Ilyas (2004), antara masalah yang dikenalpasti dalam pengamalan takwim Hijri ialah berlakunya kenampakan hilal yang berbeza yang disebabkan oleh praktikal berbeza yang digunakan dalam penentuan takwim.

Implikasinya, takwim Hijri tidak lagi digunakan sebagai sebuah takwim yang menyeluruh untuk tujuan sosial dan hanya tertumpu kepada urusan ibadah semata-mata. Tambahan, umat Islam dikatakan tiada kesatuan apabila ketiadaan takwim Hijri antarabangsa yang boleh digunakan oleh seluruh umat Islam. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneliti keperluan kepada takwim Hijri antarabangsa untuk umat Islam secara keseluruhan.

2. Konsep Pembentukan Takwim

Berdasarkan kepada pergerakan bumi, bulan dan matahari, maka terbentuklah jadual masa iaitu kalendar. Kalendar tercipta apabila manusia mula memahami perubahan masa yang berlaku akibat pergerakan objek samawi. Pada awal ketamadunan, penciptaan kalendar melambangkan kemajuan sesebuah tamadun kerana aktiviti harian manusia pada ketika itu bergantung kepada satu sistem waktu yang sistematik.

Selain kalendar, istilah lain yang digunakan untuk menunjukkan sistem waktu ialah takwim, penanggalan, almanak, tarikh dan daftar hari bulan. Secara asasnya, kalendar merupakan satu kaedah untuk menandakan pembahagian masa secara semulajadi. Ia adalah satu kaedah abstrak dengan menamakan hari dan memperuntukkan setiap satu minggu, sebulan dan setahun.

Menurut Kamus Dewan (2007), kalendar atau takwim bermaksud jadual atau susunan tarikh bagi sesuatu tahun yang diatur mengikut hari (dalam minggu) dan bulan (dalam tahun). Parker (1893) mendefinisikan takwim sebagai suatu kaedah pembahagian masa untuk disesuaikan dengan kehidupan seharian seperti jam, hari, minggu, bulan dan tahun. Manakala menurut Susiknan Azhari (2012), kalendar ialah satu sistem pengorganisasian kesatuan waktu bagi tujuan penandaan serta perhitungan waktu dalam jangka panjang. Perkataan takwim berasal daripada bahasa Arab; *قَوَمٌ* yang bermaksud pemberian nilai atau harga bagi sesuatu. Istilah takwim (*تَقْوِيمٌ*) dari sudut bahasa bermaksud memperbaiki, mengimbang dan membatasi (Ibn Manzur 2005). Menurut Mu'jam al-Wasit (2004), takwim adalah perhitungan masa berdasarkan tahun, bulan dan hari. Berdasarkan definisi yang dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa takwim merupakan sistem waktu yang mempunyai kaitan dengan pergerakan objek langit untuk mengatur kehidupan manusia dan merancang aktiviti harian.

2.1 Unit Asas Pembentukan Takwim

Terdapat bahagian asas yang perlu diketahui iaitu unit dalam sistem masa kerana takwim yang efektif memerlukan unit pengukuran yang tepat. Dalam pembahagian masa atau waktu, unit tersebut boleh diukur melalui satu kaedah sahaja iaitu mengira pergerakan yang berulang-ulang (Philip, A. 1921). Pergerakan berulang-ulang yang dimaksudkan ialah hubungan pergerakan di antara bulan, bumi dan matahari dimana terdapat tiga pergerakan utama yang menghasilkan pecahan unit berbeza dalam sistem masa (Azhari Mohamed 2008) iaitu:

- putaran bumi pada paksinya yang menghasilkan siang dan malam dalam sela masa 24 jam matahari atau 23 jam 56 minit berujukan bintang. Putaran ini menyebabkan objek langit kelihatan beredar dari timur ke barat. Gerakan ini dipanggil Gerakan Harian (*diurnal motion*);
- bumi beredar mengelilingi matahari sekali setahun dalam tempoh 365.2422 hari. Peredaran bumi mengelilingi matahari mengikut arah lawan jam dalam orbitnya yang berbentuk eliptikal dan di satah tersebut dipanggil ikliptik. Gerakan ini dikenali sebagai Gerakan Tahunan (*annual motion*) menyebabkan terjadinya tahun dan kepelbagaian musim (Abdul Hamid Tahir 1990) dan;
- peredaran bulan mengelilingi bumi mengikut arah dari barat ke timur yang menghasilkan tempoh satu bulan dan juga fasa-fasanya.

Pengerakan serentak objek langit tersebut telah membentuk beberapa unit masa iaitu hari, minggu, bulan dan tahun. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ آيَاتٍ لِّمَنْ يَنْتَبِهُ فَمَحَوْنَا آيَةَ اللَّيْلِ وَجَعَلْنَا آيَةَ النَّهَارِ مُبْصِرَةً لِّمَنْ يَنْتَبِهُ فَضَلَا مِنْ رَبِّكُمْ وَلِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ وَكُلَّ شَيْءٍ فَصَّلْنَاهُ تَفْصِيلًا

Maksudnya; “Dan Kami jadikan malam dan siang itu dua tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Kami), maka Kami hapuskan tanda malam itu dan Kami jadikan tanda siang itu terang-benderang supaya kamu mencari limpah kurnia (rezeki) daripada Tuhan kamu dan supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Dan setiap sesuatu Kami telah jelaskannya satu persatu dengan sejelas-jelasnya” (al-Isra', 17:12.)

2.2 Jenis takwim

Pengerakan bulan, bumi mengelilingi matahari telah menghasilkan tiga takwim yang berbeza mengikut objek langit yang di ikuti iaitu; takwim lunar (bulan), takwim solar (matahari) dan takwim lunisolar (bulan-matahari).

(a) Takwim Lunar

Istilah lain bagi takwim lunar ialah takwim bulan atau takwim qamariah. Pengiraan takwim lunar ini adalah berdasarkan peredaran bulan mengelilingi bumi tanpa mengambil kira pergerakan matahari. Bulan mengambil masa $29 \frac{1}{2}$ hari untuk membuat satu pusingan lengkap mengelilingi bumi. Pergerakan bulan dalam masa satu tahun mengelilingi bumi mengambil masa selama 354.367068 hari (354 hari, 8 jam, 40 minit, 34.675 saat). Baki 0.367068 hari (8jam, 48 minit, 34.675 saat) akan menjadi 11.012040 hari dalam masa 30 tahun gerakan bulan.

Oleh itu, satu hari akan ditambah pada akhir dua atau tiga tahun sekali, supaya kiraan gerakan bulan akan kembali semula kepada titik permulaan peredarannya selepas 30 tahun. Kelebihan 0.12040 hari (17 minit, 20.256 saat) setiap 30 tahun akan meningkat menjadi satu hari dalam tempoh masa 2500 tahun. Lebihan ini akan digugurkan pada tiap-tiap 2500 tahun hijrah.

Kebanyakan takwim dalam ketamadunan terdahulu menggunakan takwim lunar untuk kegunaan ibadah dan sosial dengan mengamalkan interkultasi (intercalation) bagi mengekalkan pusingan musim. Ini bermakna takwim terdahulu hanya mempunyai satu atau dua tahun yang mengikut pusingan takwim lunar manakala tahun ketiga akan berlakunya interkelas. Sebagai contoh, takwim Roman yang bermula pada bulan Mac, terdiri daripada 10 bulan sahaja iaitu 304 hari dan jurang musim sejuk. Kemudiannya akan berkembang pada tahun seterusnya kepada 12 bulan bersamaan 354 hari dan tahun seterusnya 355 hari.

(b) Takwim Solar

Solar atau matahari merupakan objek bercahaya yang berbentuk bulat dan bersaiz diameter 1.4 juta km. Jarak antara matahari dan bumi adalah sejauh 150 juta km. Manakala kecepatan cahayanya mengambil masa 8 minit untuk sampai ke bumi iaitu mencapai 300,000 km sesaat. Takwim solar atau dikenali juga sebagai takwim Syamsiah atau takwim matahari terjadi akibat putaran bumi mengelilingi matahari.

Satu tahun matahari dikira dari masa matahari mula melintas garisan khatulistiwa dalam gerakannya dari arah selatan bumi menuju arah utara, sehingga kembali semula di masa lintasannya buat kali kedua iaitu selama 365.24219878 hari (365 hari, 5 jam, 48 minit, 46.1 saat). Namun, jika dibahagikan kepada 12 gerakan matahari kepada 31 hari, 30 hari dan 28 hari dalam tempoh setahun, maka terdapat kelebihan 0.24219878 yang akan meningkat kepada satu hari dalam masa empat tahun matahari (23 jam, 15 minit, 03.98 saat). Oleh itu, tambahan satu hari dilakukan pada setiap empat tahun sekali, walaupun kekurangan 44 minit, 56.1 saat.

Kekurangan 44 minit, 56.1 saat dalam tempoh empat tahun sekali akan meningkat kepada satu hari dalam tiap-tiap 400 tahun. Maka, satu kaedah ditetapkan iaitu tahun akhir abad pertama, kedua dan ketiga adalah 365 hari, manakala tahun akhir abad keempat ialah 366 hari. Kaedah ini adalah untuk menyamakan kembali masa lintasan matahari di atas titik khatulistiwa sepanjang masa.

(c) Takwim Luni-Solar

Takwim luni-solar atau bulan-matahari diasaskan oleh pergerakan serentak bumi dan bulan mengelilingi matahari. Seperti takwim bulan, satu putaran bulan mengambil masa $29 \frac{1}{2}$ hari. Namun, $\frac{1}{2}$ hari pada setiap bulan dikatakan menimbulkan kerumitan. Maka, kaedah pengiraan takwim ini adalah bilangan hari pada setiap bulan tetap 29 dan 30 hari berselang seli dan tidak berubah-ubah. Dengan ini bilangan hari dalam takwim bulan-matahari kekal 354 hari sahaja. Takwim bulan-matahari kerap digunakan untuk amalan-amalan ibadat dan waktu kutipan hasil tanaman.

3. Pembentukan Takwim Menurut Syariah

Sistem takwim yang efektif adalah penyusunan takwim yang selari dengan fenomena objek langit yang dijadikan rujukan. Asas takwim yang digunakan dalam ketamadunan Islam dinamakan sebagai takwim Hijri yang berasaskan kepada peredaran dan perubahan bulan sebagai titik rujukan atau lebih tepat dari sudut astronomi ialah peredaran bulan mengelilingi bumi. Hal ini sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT dalam surah Yunus;

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

Maksud; Dia lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatnya (tanda-tanda kebesarannya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikanNya). (Yunus. 10:5)

Putaran bulan mengelilingi bumi telah menyebabkan terjadinya fasa-fasa bulan. Perubahan bentuk ini berlaku kerana luas permukaan bulan yang memantulkan cahaya daripada matahari berubah ketika bulan mengelilingi bumi. Maka, terhasillah fasa bulan yang terdiri daripada hilal, bulan sabit, bulan separa dan bulan penuh atau purnama. Seperti firman Allah SWT;

وَالْقَمَرَ قَدَرْتُهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ * لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ ۗ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ

Maksud: "Dan bulan pula Kami takdirkan dia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering* Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing". (Yaasin, 36:39-40)

Terjemahan ayat ini melalui pemahaman astronomi memberi isyarat bahawa perlulah terjadinya *ijtimā'* bagi menentukan permulaan bulan baru. Selain itu, pergantian hari berlaku saat matahari terbenam. Dan ketika matahari terbenam, bulan mengikuti matahari atau dengan kata lain, bulan berada di atas ufuk. Secara ringkasnya, Syamsul Anwar (2009) menyatakan kriteria penentuan awal bulan terjadi apabila;

- i) *ijtimā'* telah berlaku;
- ii) *ijtimā'* terjadi sebelum matahari terbenam; dan
- iii) bulan berada di atas ufuk ketika matahari terbenam.

Allah SWT berfirman dalam al-Quran mengenai bilangan bulan bagi takwim;

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرَمٌ

Maksud: Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Ia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. (at-Taubah 9:36)

Berdasarkan ayat di atas, bilangan bulan di sisi Allah ialah dua belas bulan dan di dalamnya terdapat empat bulan yang dihormati atau bulan haram adalah bulan Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab. 'Ibn Abbas menegaskan bahawa setiap kezaliman yang dilakukan di dalam bulan-bulan ini atau amalan soleh maka dosa dan pahalanya adalah lebih besar berbanding bulan-bulan lain. (Abdullah Muhammad 2011)

Manakala bilangan hari dalam sebulan pula, terdapat hadis yang menceritakan Rasulullah SAW memberitahu bilangan hari dalam sebulan antara 29 hari atau 30 hari:

حَدَّثَنَا آدَمُ، حَدَّثَنَا شُعْبَةُ، حَدَّثَنَا الْأَسْوَدُ بْنُ قَيْسٍ، حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ عَمْرٍو، أَنَّهُ سَمِعَ ابْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّهُ قَالَ: «إِنَّا أُمَّةٌ أُمِّيَّةٌ، لَا نَكْتُبُ وَلَا نَحْسِبُ، الشَّهْرُ هَكَذَا وَهَكَذَا» يَعْنِي مَرَّةً تِسْعَةً وَعِشْرِينَ، وَمَرَّةً ثَلَاثِينَ

Maksudnya: "Dari Ibnu Umar R.A, dari Nabi SAW., bahawasanya beliau bersabda: Kita ummat yang ummi, tiada pandai menulis dan mengira. Sebulan itu sebegini dan sebegini. Maksudnya, kadang-kadang dua puluh sembilan hari dan kadang-kadang tiga puluh hari". (Al-Bukhārī, no. Hadith 1913)

Daripada pemahaman dalil al-Quran dan hadis di atas dapat disimpulkan bahawa ciri umum pembentukan takwim Hijri ialah berasaskan kepada peredaran bulan mengelilingi bumi, tiada interkelas (penambahan bilangan bulan) (Kassim Bahali t.th), mempunyai bilangan 29 atau 30 hari dalam sebulan manakala 354 atau 355 hari dalam setahun dan satu tahun mempunyai 12 bulan. Takwim hijri amat penting bagi kehidupan umat Islam kerana terkait perkara ibadah antaranya untuk menentukan tarikh-tarikh penting seperti awal Ramadan, Hari Raya Aidilfitri, Hari 'Arafah dan Hari Raya Aidiladha.

Selain dalil-dalil yang disebutkan sebelum ini, tiada dalil yang khusus daripada al-Quran dan hadis mengenai kaedah khusus bagi pembentukan takwim Hijri. Oleh itu, pembentukan takwim Hijri adalah berpandukan kepada sumber hukum berkaitan kaedah memulai dan mengakhiri puasa Ramadan. Dalil-dalil ini digunakan sebagai panduan dan rujukan utama bagi pembentukan takwim Hijri.

4. Kerjasama Antarabangsa dalam Penyatuan Takwim Hijri

Dalam menjelaskan maksud kesatuan takwim Hijri atau dengan kata lain takwim Hijri antarabangsa, Syamsul Anwar (2016) menjelaskan bahawa *al-Takwim al-Hijri al-'Alami al-Uhadi* merupakan sebuah takwim Hijri dengan prinsip penetapan satu tarikh bagi seluruh dunia. Dengan erti kata lain, ianya merupakan keselarasan satu sistem takwim di mana seluruh kawasan di dunia akan menyambut sesuatu perayaan misalnya pada tarikh yang sama.

Mohammad Ilyas (1999) mengutarakan spesifikasi umum bagi sesebuah takwim Hijri antarabangsa iaitu;

- i. Bilangan hari dalam sebulan tidak kurang 29 hari dan tidak melebihi 30 hari;
- ii. Bilangan hari dalam setahun tidak kurang 354 hari dan tidak melebihi 355 hari;
- iii. Bilangan maksimum bulan berturut-turut dalam tempoh setahun: bulan yang mempunyai 30 hari sebanyak 4 kali dan bulan yang mempunyai 29 hari sebanyak 3 kali;
- iv. Setiap bulan baru bermula dengan terlihaknya cahaya pertama bulan selepas matahari terbenam

Manakala Syamsul Anwar (2016) mengisytiharkan sebuah takwim Hijri antarabangsa perlu memenuhi beberapa asas seperti yang diputuskan oleh Pertemuan Takwim Islam di Maghribi 2008 iaitu;

- i. pertama; terjadinya *imkān al-rukūyah* di satu tempat,
- ii. kedua; takwim tersebut tidak boleh menyebabkan mana-mana kawasan di muka bumi tertunda memasuki bulan baru walhal hilal di kawasan tersebut telah kelihatan, dan
- iii. terakhir; takwim tersebut tidak menyebabkan mana-mana kawasan memasuki bulan walhal belum berlaku *ijtimā'*.

Menurut Moonsighting.com (2012), pembentukan takwim hijri di negara-negara Islam di seluruh dunia terbahagi kepada empat kaedah iaitu;

- i. pertama; mengikut kaedah yang digunakan oleh Arab Saudi,
- ii. kedua; mengikut kaedah yang digunakan oleh Türkiye,
- iii. ketiga; mengikut cerapan hilal di negara masing-masing dan
- iv. keempat; mengikut kriteria *Imkān al-Rukūyah* tersendiri.

Kepelbagaian kaedah-kaedah ini telah menyebabkan umat Islam di seluruh dunia menyambut 1 Muharram pada tarikh dan hari yang berbeza. Perbezaan ini menuntut kepada satu keseragaman pembentukan takwim Hijri bagi tujuan mencapai kesatuan takwim Hijri.

Menurut Susiknan Azhari (2016), usaha kerjasama antarabangsa dalam membangunkan takwim Hijri antarabangsa telah dimulakan seawal tahun 1973 di Kuwait. Bermula daripada tahun tersebut sehingga tahun 2016, sebanyak 18 persidangan termasuk pertemuan antarabangsa telah dijalankan . Ringkasan persidangan atau pertemuan yang diadakan adalah seperti Jadual 4.1.

Jadual 4.1. Senarai persidangan antarabangsa mengenai takwim Hijri
sumber: Susiknan Azhari (2016)

No	Nama Persidangan/Pertemuan	Tempat	Tahun	Hasil Persidangan

1.	<i>Muktamar Penyatuan Awal Bulan Kamariah</i>	Kuwait	1393H/1973M	Tiada laporan di dapati hasil daripada muktamar ini.
2.	<i>Mu'tamar Tathbit Awail al-Syuhur al-Qamariah</i>	Istanbul, Turki	1398H/1978M	Resolusi daripada muktamar ini akan diperincikan di bahagian seterusnya
3.	Pertemuan	Jeddah	1406H/1985M	Hasil yang disepakati ialah dengan memberikan kepercayaan penuh kepada Lembaga <i>Fiqh</i> Islam untuk menyempurnakan kajian ilmiah yang diperakui oleh ahli <i>hisab</i> , membukukan bahan rujukan mengenai penyatuan awal bulan hijri serta memilih ahli falak yang boleh bekerjasama dengan ulama' <i>fiqh</i> .
4.	Pertemuan	Oman	1407H/1986M	Pertemuan ini menghasilkan keputusan seperti berikut; (i) tanpa mengambilkira perbezaan <i>matla'</i> , ketika terjadi rukyah di suatu tempat maka umat Islam wajib mengikutnya; (ii) wajib berpegang pada rukyah sementara <i>hisab</i> hanya sebagai pembantu
5.	<i>The Second Islamic Astronomical Conference</i>	Amman, Jordan	2001M	Persidangan ini mencapai beberapa kesepakatan; (i) menggunakan <i>hisab</i> kenampakan hilal untuk kesemua bulan Hijri; (ii) menggunakan Kalendar Hijriah Universal (UHC); (iii) menolak laporan rukyah sekiranya tidak sesuai dengan kriteria kenampakan hilal & (iv) memasukkan subjek astronomi Islam sebagai matapelajaran di Fakulti Syariah.
6.	<i>Experts' Meeting to Study the Subject of Lunar Month's Calculation among Muslims</i>	Maghribi	2006M	Pertemuan ini menyimpulkan bahawa rukyah hilal tidak diperlukan lagi sepertimana yang dikatakan oleh Khalid Shaukat.
7.	<i>The First Emirates Astronomical Conference Applications of Astronomical Calculation</i>		1427H/2006M	Persidangan ini menghasilkan keputusan seperti berikut; (i) menggunakan kalendar Islam berdasarkan <i>hisab</i> kenampakan hilal; (ii) semasa cerapan hilal perlu ada ahli astronomi untuk turut serta dalam jawatan kuasa penentuan awal bulan hijri; (iii) memperkenalkan astronomi Islam dalam majalah, surat khabar atau televisyen
8.	<i>The International Symposium Towards a Unified International Islamic Calendar</i>	Jakarta, Indonesia	1428H/2007M	Simpodium ini mengkaji beberapa konsep kalendar Islam Antarabangsa seperti International Lunar Date Line (ILDLD) oleh Mohamad Ilyas, Kalendar Islam Bizonal oleh Mohamed Odeh, dan Kalendar Islam Terpadu oleh Jamaluddin Abdel Raziq
9.	Deklarasi Senegal	Dakar, Senegal	2008M	Deklarasi ini menyeru agar negara-negara Islam dan para pakar berpadu tenaga untuk penyatuan kalendar Islam.
10.	<i>Asy-Syar'i al-falaki lidirasati mas'ali al-Ahillah</i>	Soesterberg, Belanda	1429H/2008M	Persidangan ini memutuskan bahawa hasil cerapan dapat diterima apabila memenuhi syarat berikut; (i) <i>ijtimā'</i> berlaku sebelum matahari terbenam; (ii) bulan terbenam selepas matahari terbenam & (iii) memenuhi kriteria kenampakan hilal (umur hilal 12 jam dan hilal di atas ufuk selama 20 minit setelah

				matahari terbenam
11.	<i>Ijtimā' al-khubarā' al-thani Dirasāt wadh al-taqwim al-Islamī</i>	Rabat, Maghribi	1429H/2008M	Dalam pertemuan ini disepakati bahawa penyatuan takwim Hijri tidak mungkin berlaku kecuali berdasarkan hisāb. Hasil Pertemuan Pakar II menegaskan syarat-syarat takwim Hijri antarabangsa dan usulan empat takwim hijri yang terpilih untuk menjadi takwim Hijri antarabangsa iaitu takwim al-Husain Diallo, takwim Libya, takwim Ummul Qura dan Takwim Hijriah Terpadu.
12.	Persidangan " <i>Jadaliyah al-'Alaqah baina al-fiqh wal al-falaki</i> "	Lebanon	1431H/2010M	Kesepakatan mengenai penggunaan hisāb untuk menentukan awal bulan Hijri dalam rangka membentuk takwim Hijri dan menjadikan Kaabah sebagai ' Greenwich Islam '
13.	<i>The Second Emirates Astronomical Conference</i>		1431H/2010M	Perlantikan Mohamad Syaukat Audah sebagai Presiden ICOP. Antara lain ialah; (i) Diskusi mengenai kalendar Islam dengan tujuan untuk menuju kesepakatan yang lebih besar; (ii) meminta pihak berkaitan agar menolak sekiranya terdapat kesaksian hilal tetapi <i>ijtimā'</i> masih belum berlaku dan bulan terbenam sebelum matahari & (iii) melibatkan ahli astronomi dalam cerapan hilal dalam jawatankuasa penentuan awal bulan Hijri
14.	<i>Itsbat asy-Syuhūr al-Qamariyah baina Ulama asy-Syari'ati wa al-hisabi al-falaki</i>	Mekah	2012M	Hasil muktamar mencadangkan agar terbentuknya jawatankuasa yang terdiri daripada ahli astronomi dan ulama' untuk menyatukan takwim Hijri antarabangsa. Jawatankuasa tersebut menetapkan Mekah sebagai pusat cerapan hilal dan akan membuat takwim Hijri bagi seluruh negara Islam. Kesepakatan dipersetujui untuk memanfaatkan teknologi moden dalam aktiviti cerapan dan bagi Muslim yang berada di negara minoriti.
15.	<i>The Preparation Meeting for International Crescent Observation Conference</i>	Turkiye, Istanbul	1434H/2013M	Persidangan ini merupakan persediaan awal untuk mengadakan persidangan antarabangsa pada 2016. Pihak urusetia menerima cadangan takwim Islam untuk dibahaskan sebelum persidangan antarabangsa 2016.
16.	<i>5th Conference on Lunar Crescent Visibility and Calendar</i>	Tehran, Iran	1434H/2013M	Persidangan ini diadakan pada 26 Jun 2013 bersamaan 17 Syaaban 1434H oleh Institut Geofizik Universiti Tehran, Iran
17.	<i>Muktamar Falak</i>	Oman	1435H/2014M	Muktamar ini telah menghasilkan lima belas resolusi salah satunya adalah mengenai takwim Islam
18.	<i>Mu'tamar Tauhid at-Taqwim al-Hijry ad-Dauly</i>	Turkiye, Istanbul	1437H/2016M	Resolusi daripada muktamar ini akan diperinci oleh kajian di bahagian seterusnya

Saban tahun pembangunan takwim Hijri semakin bersifat saintifik dengan menjangkakan kenampakan hilal melalui kaedah hisāb atau kaedah imkān al-rukyah. Tidak hanya itu, penggunaan teknologi moden juga dilihat sebagai aspek penting dalam penentuan takwim Hijri. Meskipun begitu, Susiknan (2013) berpendapat bahawa pendekatan saintifik dalam pembangunan takwim Hijri menyukarkan proses penyatuan takwim kerana kaedah tersebut sukar diterima di sesetengah negara Islam. Hal ini menyebabkan isu penyatuan takwim Hijri masih lagi belum mencapai titik kesepakatan untuk menggunakan sebuah takwim Hijri antarabangsa.

sistem waktu tersebut adalah berdasarkan peredaran bulan. Menurut ilmu Astrofiqh, sistem waktu tersebut ialah takwim Hijri dimana penentuan awal bulan ditentukan dengan kenampakan hilal yang pasti. Oleh yang demikian, umat Islam perlu memiliki sebuah takwim Hijri antarabangsa kerana ianya merupakan satu tuntutan agama. Secara realitinya meskipun takwim Hijri digunakan untuk penentuan ibadah namun sehingga kini masih wujud perbezaan tarikh dalam menentukan hari-hari penting dalam Islam.

5.2 Kepentingan Ibadah

Tujuan penciptaan manusia di atas muka bumi ini tidak lain adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT sebagaimana telah dinyatakan dalam surah al-Zariyat;

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: "Tidak aku menjadikan jin dan juga manusia melainkan untuk beribadah denganku".
(al-Zariyat, 51:56)

Ibadah daripada sudut bahasa bermaksud merendahkan diri, tunduk atau patuh (Ibn Manzur 1995). Oleh itu sekiranya setiap ketaatan dilakukan dengan penuh kepatuhan, ketundukan dan penghinaan diri kepada Allah SWT maka ia dianggap sebagai ibadah. Al-Qaradhawi menyifatkan bahawa ibadah adalah perlu memenuhi dua faktor penting iaitu taat pada ketetapan Allah SWT dan melahirkan rasa ikhlas dan kecintaan pada Allah SWT. Ianya tidak terbatas pada *syiar ta'abbudiy* semata-mata bahkan ia meliputi setiap perkara yang memberi manfaat kepada manusia (al-Qaradhawi 1995).

Terdapat pelaksanaan ibadah khusus (wajib) yang mempunyai hubungkait dengan takwim Hijri antaranya ialah ibadah puasa. Berdasarkan hadis Rasulullah SAW, bagi menentukan awal Ramadan adalah dengan kenampakan hilal dilangit pada malam 29hb Hijri. Daripada pemahaman hadis ini, maka terbentuklah takwim Hijri yang berasaskan kenampakan hilal.

Namun, kepelbagaian kaedah penentuan hilal telah mengakibatkan umat Islam tidak dapat menjalani 1 Ramadan pada hari yang sama dan berbeza sehingga tiga hari. Faktor utama kepelbagaian ini adalah kerana adanya kriteria tertentu dalam penentuan hilal yang tidak dapat diterima oleh sesetengah negara Islam. Sebagai contoh pada 1 Ramadan 1439H, umat Islam di seluruh dunia berpuasa pada tiga hari iaitu seperti Jadual 5.1

Jadual 5.1. Perbezaan 1 Ramadan Seluruh Dunia
sumber: ICOP. Crescent Observation Results (astronomycenter.net)

Tarikh Hijri	Tarikh Masihi	Negara Terlibat
1 Ramadan 1439H	16 Mei 2018	Bosnia, Macedonia, Mali, Nigeria, Turki
	17 Mei 2018	Australia, Yaman, Jordan, Arab Saudi, India, Negara MABIMS
	18 Mei 2018	Bangladesh & Sri Lanka

Selain ibadah puasa, ibadah Haji juga mempunyai kaitan dengan takwim Hijri dan kedua-duanya merupakan antara lima rukun Islam. Ibadah haji ialah mengunjungi Baitullah al-Haram di Mekah untuk mengerjakan ibadah-ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya (al-Sharbini 1570). Allah SWT berfirman;

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ

Maksudnya; "Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadaNya dan sesiapa yang kufur (ingkar kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk". (al-Imran. 3:97)

Penentuan bulan Zulhijjah juga bergantung kepada kenampakan hilal. Namun, sering terjadinya isu berbangkit saban tahun apabila negara Arab Saudi mengumumkan tarikh 9 Zulhijjah berlainan tarikh dengan negara lain. Mengambil contoh perbandingan dengan Malaysia pada tahun 2022 apabila hari wukuf pada 9 Zulhijjah di Arab Saudi adalah pada 8 Julai 2022 manakala Malaysia pada 9 Julai 2022. (Berita Harian 2022)

Bagi orang awam, kekeliruan ini sentiasa menjadi perbincangan sehingga menimbulkan rasa tidak percaya kepada ketetapan institusi agama negara. Solusi bagi penyelesaian ini adalah dengan menggunakan sistem takwim Hijri antarabangsa yang berprinsip satu hari satu tarikh yang sama di seluruh bahagian dunia.

Terdapat juga ibadah sunat yang bergantung kepada penggunaan takwim Hijri. Antaranya ialah puasa *Ayyamul Bidh* atau Hari Putih. Puasa pada hari putih ialah puasa sunat yang dilakukan pada tanggal 13, 14, 15 hari bulan Hijri. Sebagai sabda Rasulullah SAW;

قال الرسول صلى الله عليه وسلم صم ثلاثة أيام من الشهر فإن الحسنه بعشر أمثالها، وذلك مثل صيام الدهر

Maksudnya: "Berpuasalah tiga hari dalam satu bulan, kerana sesungguhnya kebaikan itu (akan digandakan) menjadi sepuluh kali ganda. Oleh kerananya engkau seolah-olah berpuasa sebulan penuh". (al-Bukhari 2017)

Selain itu, ibadah sunat pada *nisfu Syaaban* juga memerlukan kepada penggunaan takwim Hijri.

إِذَا كَانَ لَيْلَةُ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ يَغْفِرُ اللَّهُ لِعِبَادِهِ إِلَّا لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاجِرٍ

Maksudnya; "Apabila tiba malam nisfu Sya'ban, Allah SWT mengampunkan hamba-Nya kecuali orang yang syirik dan juga orang yang bermusuhan" (al-Jawzi 2009)

Pada malam ini, umat Islam dituntut untuk memperbanyakkan berdoa kepada Allah SWT. Oleh itu tidak dinafikan malam nisfu syaaban mempunyai kelebihan dimana terdapat keampunan bagi mereka yang memohon ampun dan berdoa bersungguh-sungguh pada Allah SWT. Imam Syafi'i menyebut bahawa berdoa pada malam nisfu Syaaban adalah mustajab. Ini bersandarkan kata-kata Imam Syafi'i dalam al-Umm;

"Doa mustajab adalah pada 5 malam, iaitu malam jumat, malam al-Adha, malam al-Fitri, malam awal bulan Rejab, dan malam nisfu Sya'ban"

Tidak hanya itu sahaja malah banyak lagi ibadah-ibadah yang memerlukan kepada takwim Hijri sebagai panduan. Tidak dapat disangkal lagi bahawa umat Islam memerlukan sistem takwim Hijri untuk memenuhi tuntutan ibadah.

5.3 Kepentingan Sejarah

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2007) mendefinisikan sejarah sebagai sastera lama, asal-usul, riwayat, salasilah dan peristiwa yang benar-benar berlaku pada masa lampau. R. O. Winstedt (1970) menjelaskan bahawa perkataan sejarah berasal dari bahasa Arab yang membawa makna salasilah, tawarikh dan babad.

Tidak hanya tertumpu kepada kepentingan takwim Hijri dalam ibadah semata-mata, bahkan takwim Hijri juga penting untuk tujuan pentahkikan sejarah. Mohammad Ilyas (1994) dalam bukunya memetik kata-kata Samiullah;

"semasa kejadian dalam sejarah Islam, khususnya yang berlaku semasa hayat Nabi Muhammad SAW dan selepas itu dinyatakan dalam era kalendar hijrah. Tetapi pengiraan kita dalam takwim Gregory menjauhkan kita daripada peristiwa dan kejadian tersebut sarat dengan pengajaran nasihat dan panduan petunjuk"

Petikan di atas mengingatkan umat Islam mengenai peristiwa-peristiwa sejarah yang dilalui oleh Rasulullah SAW yang selalunya akan disebutkan berdasarkan takwim Hijri.

Seringkali kita mendengar penggunaan tahun Hijri dalam menjelaskan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam sejarah Islam. Namun, timbulnya persoalan mengenai takwim Hijri manakah yang dirujuk? Kerana sekiranya kaedah penentuan hilal pada masa kini digunakan untuk mengkaji semula tarikh-tarikh bersejarah dalam Islam, pasti akan menimbulkan keraguan kerana takwim pada masa kini adalah berdasarkan jangkaan kenampakan hilal yang tidak pernah dilakukan pada zaman Rasulullah SAW.

Dalam menyusun kronologi sejarah Islam termasuk zaman Rasulullah SAW, al-Tabari dalam kitabnya *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk* menggariskan bahawa metodenya adalah menerusi disiplin ilmu hadis dan tafsir dengan menyamakan peristiwa dengan hadis Nabi SAW dari segi periwayatan. Setiap yang disebutkan di dalam kitab tersebut adalah bersandarkan perawinya. (al-Tabari 1960)

Bersandarkan kepada kitab ini mahupun kitab sejarah lain, dengan adanya satu sistem takwim Hijri mapan, maka kajian mengenai tarikh-tarikh bagi peristiwa penting dalam Islam boleh dilakukan dan memberi sumbangan dalam ilmu sejarah Islam. Kajian ini hanya boleh dijalankan sekiranya sesebuah takwim Hijri itu boleh diundur ke tahun kebelakangan dan boleh ditetapkan tarikh untuk tahun ke hadapan seperti takwim Istimlahi.

5.4 Aktiviti Sosial

Antara keperluan takwim Hijri ialah untuk perancangan aktiviti sosial. Secara semula jadi manusia tidak dapat menjalani hidup berseorangan kerana mengikut fitrahnya manusia perlu bermasyarakat. Oleh itu, pentingnya interaksi manusia sesama mereka bagi menjamin perkembangan dan kesinambungan sesebuah masyarakat. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2007) menggunakan istilah 'sosial' bagi mendefinisikan segala hal yang berkaitan dengan kemasyarakatan.

Manakala sistem sosial menurut Islam merupakan satu panduan yang ditetapkan oleh Allah SWT untuk membantu menguruskan perhubungan manusia dalam kelompok tertentu dan menjaga semua kepentingan di setiap lapisan masyarakat. Kepentingan yang digariskan dalam Islam meliputi *maqasid syariah* iaitu keselamatan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Shukeri Mohamad 2018).

Agama Islam memandang tinggi kepada keperluan hidup bermasyarakat seperti mana firman Allah SWT;
 اللَّهُ إِنَّا لَمَكْنُفَتًا لِلَّهِ أَذِيعُ مُمْرُكًا نَّ إِنَّا أَوْفَرَا عِنْدَ لِنَابِقُو أَبِوَعُشْدُ مُمْرُكَلْعَجَوُ لِي تَنَّاوُ رِكْذُ نَمُ مُمْرُكَلْعَجُو أَنَا سُنَّا نَأْمَاهِيَأِي
 رَبِّيخُ مِيَاءُ

Maksudnya; "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah S.W.T. ialah orang yang lebih taqwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunannya atau bangsanya). Sesungguhnya Allah S.W.T. Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu) (al-Hujurat, 49:13)

Oleh yang demikian, bagi membantu manusia menguruskan kehidupan bermasyarakat adalah dengan menggunakan takwim atau kalendar sebagai medium pengurusan aktiviti sosial yang lebih sistematik.

Masyarakat mampu berkembang kerana manusia berupaya menjalinkan kerjasama dengan orang lain untuk memenuhi keperluan semula jadi mereka. Bagi memenuhi tujuan itu, ianya memerlukan kepada penglibatan manusia dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Hal ini kerana aktiviti sosial merangkumi proses pembelajaran yang berlaku melalui persekitaran sosial serta melibatkan aktiviti kolaboratif. Melalui teori aktivisme sosial dapat difahami bahawa masyarakat melakukan pelbagai perkara antaranya seperti berinteraksi, belajar antara satu sama lain dan membina pengetahuan daripada proses tersebut (Dumitraşcu 2015).

Oleh yang demikian, bagi menguruskan aktiviti sosial yang dirancang memerlukan kepada satu sistem takwim yang membolehkan sesebuah institusi menyusun perancangan organisasinya atau untuk manusia menyesuaikan dengan perancangan kehidupannya.

Pada masa ini, takwim Masihi yang didasari oleh pergerakan matahari dilihat mapan untuk digunakan sebagai pengurusan manusia bagi menyusun aktiviti-aktiviti secara mingguan, bulanan serta tahunan. Malah, takwim ini boleh digunakan untuk merancang masa depan dengan lebih efisien dan digunakan di seluruh dunia. Sedangkan Allah SWT menyatakan bahawa takwim berdasarkan pergerakan bulan boleh digunakan untuk tujuan sosial dan ibadah.

Sehubungan itu, sesebuah takwim hijri yang kolektif adalah berdasarkan prinsip berikut;

- i. Umat Islam dapat mengetahui cuti tarikh hari raya serta perayaan lain terlebih dahulu (seperti takwim Masihi);
- ii. Umat Islam dapat merayakan hari kebesaran agama Islam secara serentak pada hari yang sama;
- iii. Umat Islam memerlukan satu kalendar yang merangkumi tuntutan agama Islam dan sivil.

Amalan pada masa kini ialah takwim Hijri hanya digunakan untuk kegunaan ibadah semata-mata dan amat sukar untuk digunakan sebagai takwim sosial. Hal ini dibuktikan apabila Arab Saudi mula menggunakan takwim Masihi untuk pembayaran gaji pekerja sektor awam setelah 84 tahun menggunakan takwim Hijri sejak tahun 1932M.

6.0 Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa keperluan kepada Takwim Hijri Antarabangsa merupakan suatu keperluan mendesak bagi umat Islam pada masa kini. Perbezaan dalam kaedah penentuan awal bulan telah menimbulkan ketidakselarasan penentuan ibadah sehingga menyebabkan kekeliruan dalam masyarakat. Hal ini secara tidak langsung mencabar kesepakatan umat Islam dalam menjalani ibadah atau merayakan hari-hari kebesaran dalam Islam dalam tarikh yang sama. Justeru, penyatuan takwim Hijri bukan sahaja penting untuk memastikan pelaksanaan ibadah yang seragam seperti puasa, hari raya, dan haji, tetapi juga bagi mengekalkan kesinambungan sejarah Islam serta menguruskan aktiviti sosial umat dengan lebih sistematik. Meskipun pelbagai usaha telah dilakukan melalui persidangan dan inisiatif antarabangsa namun masih terdapat cabaran

dari sudut penerimaan mazhab, penggunaan kaedah saintifik dalam hisab dan rukyah. Namun demikian, dengan wujudnya kerjasama di antara ahli falak, 'ulama dan pihak berautoriti daripada negara-negara Islam, penyatuan Takwim Hijri Antarabangsa adalah tidak mustahil dan berpotensi untuk direalisasikan. Selain itu, penekanan terhadap pendidikan dan kesedaran awal mengenai kepentingan takwim Hijri perlu diperkasakan agar umat Islam lebih memahami rasional di sebalik usaha penyatuan Takwim Hijri Antarabangsa.

Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada semua penulis atas kerjasama dan komitmen dalam penyediaan serta penyempurnaan artikel ini. Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan penulis yang telah memberikan sumbangan idea, masa, dan kepakaran dalam menjayakan penulisan ini.

Rujukan

Abdul Hamid Tahir. (1990). *Unsur-unsur Astronomi Praktik untuk Kegunaan Ukur Tanah*. Johor:Universiti Teknologi Malaysia

Azahari Mohamed. (2008). Kaedah Penetapan Awal Bulan Hijriah: Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah di Malaysia. Kertas Kerja Seminar Pendedahan Dunia Astronomi di Kuliyyah Kejuruteraan. Anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 23 & 24 Februari

Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman bin Ishaq Alu Syaikh. (2011). *Tafsir Ibnu Katsir Jilid 6*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i

al-Jawzī, Abu al-Farj (2009). *Al-'Ilal wa al-Mutanāhiah fī al-Ḥadīth al-Wāhiah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah

al-Qaradhawi, Yusuf. (1995). *al-Ibadah fī al-Islam*, c. 25. Kaherah: Matba'ah al Midani

al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad. (1570). *Mughni al-Muhtaj „ila Ma„rifah Ma„ani Alfaz al-Minhaj*. Kaherah: Dar al-Hadith

al-Ṭabari. *Tarikh al-Ṭabari: Tarikh al-Rasul wa al-Muluk*. (1960) Muhammad Abu Fadl Ibrohim (ed.), Mesir: Darul Ma'arif

Ibn Manzur, Abu al-Fal Jamāl al Din Muḥammad. (2005). *Lisan al 'Arab*. Beirut: Dar Ṣadir lil Ṭiba'ah wa'l Nashr

ICOP. Crescent Observation Result. Crescent Observation Results (astronomycenter.net)

Kamus Dewan Bahasa. (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Kassim Bahali. (t.th) Amalan Takwim Hijri di Malaysia. http://www.muftimelaka.gov.my/jmm/pdf/Kertas_Kerja/2015/Seminar_Falak/Amalan_Taqwim_Hijri_Di_Malaysia.pdf

Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah. (2004). *al-Mu'jam al -Wasit*. Cetakan ke 4. Mesir: Maktabah al-Syuruq al-Dauliyyah

Mohammad Ilyas. (1996). *Islamic Astronomy and Science Development*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Moonsighting.com. daripada <https://www.moonsighting.com/how-countries.html.2012>

Nurul Syakirah Rahiman, Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi & Raihana Abdul Wahab. (2021). Analisis Perbandingan Konsep Imkān Al-Ru'yah Antara Kitab Fatāwā Al-Subkī Oleh Taqī Al-Dīn Al-Subkī Dan Al-Fatāwā Al-Kubrā Oleh Ibn Taymiyyah. *Jurnal Fiqh*. Vol. 18(2).

Parker, G.N. (1893). *Our Calendar: The Julian Calendar and Its Errors. How Corrected by the Gregorian*. Washington: F.R. Miller blank Book Company

Philip, A. (1921). *The Calendar: Its History, Structure and Improvement*. London: Cambridge University Press

Syamsul Anwar. (2009). *Kontroversi Ḥisāb dan Rukyat. dlm. Ḥisāb Bulan Kamariah Tinjauan Syar'i Tentang Penetapan Awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah*. Yogyakarta: Suara Muhammadiyah

Syamsul Anwar. (2016). Tindak Lanjut Kalender Hijriah Global Turki 2016: Tinjauan Usul Fikih. Makalah Disampaikan Pada Acara Halaqah Nasional Ahli Hisāb Dan Fikih Muhammadiyah, Diselenggarakan Oleh Majelis Tarjih Dan Tajdid Pimpinan Pusat Muhammadiyah Di Kampus Universitas Ahmad Dahlan Yogyakarta, 17-18 Zulkaidah 1437 H / 20-21 Agustus 2016 M. Tindak-Lanjut-Kalender-Global-Tunggal-Asli-Merah.Pdf (Tarjih.Or.Id)

Susiknan Azhari. (2012). *Ensiklopedia Hisāb Rukyat*. Yogyakarta: Pustaka Belajar

Susiknan Azhari. (2016). Respon Hasil Konferensi Penyatuan Calendar Islam Turki 2016. Prosiding Seminar Nasional Calendar Islam Global. Medan: UMSU Press. hlm 67-73

Susiknan Azhari. (2013). Penyatuan Kalender Islam: Mendiialogkan Wujûd Al-Hilâl Dan Visibilitas Hilal. *Jurnal Ilmu Syariah AHKAM*. Vol. XIII, No. 2

R. O. Winstedt (1970), *Kamus Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Marican & Sons Sdn. Bhd